

Wabak denggi di Lembah Klang serius

B.H. m/s 6 26.2.07

Oleh Siti Fatimah
Mohamed Anwar

KUALA LUMPUR: Wabak denggi di Wilayah Persekutuan masih berada pada tahap membimbangkan dengan empat kematian dilaporkan dalam tempoh kurang daripada tujuh minggu, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abdul Latif Ahmad.

Katanya, perangkaan yang dikeluarkan 17 Februari lalu, menunjukkan 1,927 kes dilaporkan dengan 210 daripadanya denggi berdarah dengan Zon Setapak mencatat jumlah tertinggi iaitu 656 kes membabitkan 62 denggi berdarah dan satu kematian.

“Perangkaan kes denggi di Wilayah Persekutuan masih membimbangkan dan program bersepadu memerangi denggi perlu dipergiatkan di peringkat akar umbi yang bukan saja membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT) tetapi juga orang awam,” katanya.

Beliau berucap pada Majlis Pelancaran Hari Wilayah Persekutuan dan Kempen Denggi Peringkat Parlimen Setiawangsa di sini, semalam. Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique dan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Salleh Yusuf.

Dr Abdul Latif berkata, pencegahan adalah kaedah paling berkesan bagi mencapai sasaran sifar denggi terutama di kawasan bandar berikutan ketiadaan ubat khusus atau vaksin untuk merawat penyakit itu.

Beliau berkata, matlamat mengu-

rangkan 50 peratus kes denggi tahun ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama penduduk setempat.

“Misi kerajaan tahun ini mengurangkan 50 peratus kes denggi di seluruh negara berbanding perangkaan 447 kes bagi 1,700 penduduk tahun lalu,” katanya.

Sementara itu Zulhasnan berkata, pihaknya akan merangka kempen memerangi denggi secara besar-besaran, membabitkan Parlimen Wilayah Persekutuan bagi mengurangkan wabak itu.

Beliau berkata, kempen berterusan itu akan diteruskan sehingga matlamat sifar denggi direalisasikan menjelang 2020.

FAKTA NOMBOR

Kes denggi di Lembah Klang

1,927

Kes

210

Denggi berdarah

656

Kes di Setapak



KAWAL WABAK: Abdul Latif (dua kiri) dan Zulhasnan Rafique (kiri) merasmikan Kempen Denggi Peringkat Parlimen Setiawangsa, semalam.